



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***HUBUNGAN KUALITI GURU BERPENGALAMAN PENDIDIKAN MORAL  
DENGAN AMALAN NILAI MURNI MURID***

**KALAISELVI ETTIKAN**

**FPP 2017 19**



**HUBUNGAN KUALITI GURU BERPENGALAMAN PENDIDIKAN MORAL  
DENGAN AMALAN NILAI MURNI MURID**

Oleh

**KALAISELVİ ETTİKAN**

Tesis yang Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains

**Mac 2017**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN KUALITI GURU BERPENGALAMAN PENDIDIKAN MORAL  
DENGAN AMALAN NILAI MURNI MURID**

Oleh

**KALAISELVİ ETTIKAN**

**Mac 2017**

**Pengerusi : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral dengan amalan nilai murni murid Tingkatan Empat. Kepakaran dan karakter merupakan dua aspek kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral yang dikaji. Kajian ini menggunakan soal selidik dan temu bual semi-struktur untuk mendapatkan data kajian daripada responden. Item-item dibina berdasarkan teori pengetahuan asas guru, teori sekolah dan perkembangan moral, teori pembelajaran sosial, model kepakaran guru dan model pengajaran dan pembelajaran. Kajian rintis telah dilaksanakan ke atas 30 orang murid yang diajar oleh guru-guru yang berpengalaman dalam bidang Pendidikan Moral. Nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi soal selidik yang dibina adalah 0.96. Kesahan muka dan kandungan bagi soal selidik telah diperolehi melalui pakar dalam bidang Pendidikan Moral, pakar dalam pengajaran dan pembelajaran dan pakar bahasa. Seramai 343 murid telah dipilih secara rawak sebagai responden daripada jumlah populasi 2626 murid. Di samping itu, temu bual semi berstruktur turut dijalankan terhadap sembilan orang murid untuk menentukan corak hubungan kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral dengan amalan nilai murni murid. Terdapat kekurangan dalam beberapa aspek kepakaran dan karakter guru. Walaupun dapatkan kajian menunjukkan domain pemikiran moral murid berada pada tahap tinggi, tetapi guru kurang menekankan domain perasaan moral dan tingkah laku moral dalam pengajaran dan pembelajarannya. Analisis korelasi Spearman menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral dengan amalan nilai murni murid. Analisis data kualitatif menunjukkan ciri-ciri dan tindakan guru berpengalaman Pendidikan Moral mempengaruhi amalan nilai murni murid dengan cara tertentu. Perbincangan hasil dapatkan kajian menunjukkan, guru berpengalaman Pendidikan Moral patut mengikuti program pembangunan profesional berterusan untuk meningkatkan lagi kualiti guru yang sedia ada. Dengan ini pembentukan murid yang mengamalkan nilai murni dapat dipertingkatkan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN MORAL EDUCATION EXPERIENCED  
TEACHER'S QUALITY AND STUDENT'S VALUES PRACTICES**

By

**KALAISELVU ETTIKAN**

**March 2017**

**Chairman : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

This study aims to investigate the relationship between Moral Education experienced teachers' quality and students' values practices. Expertise and character are two aspects of Moral Education experienced teachers' qualities that were studied. The study employed a questionnaire and semi-structured interview as instruments to collect data from the respondents. Items of the questionnaire were developed based on the theory of teachers' basic knowledge, the theory of school and moral development, the theory of social learning, the model of excellent teacher and the model of teaching and learning. A pilot study was conducted on 30 students, who were taught by an experienced teacher in Moral Education. The Cronbach's coefficient alpha reliabilities for the developed questionnaire is 0.96. A total number of 343 students were randomly selected as respondents from the total population of 2626 students. Besides that, semi-structured interviews were carried out on nine students to determine the pattern of relationship between Moral Education experienced teachers' quality and student's values practices. Certain aspects of teacher expertise and character were found to be lacking. Although the findings show that students' moral thinking is at a high level, but the teacher did not emphasize on students' moral feelings and behaviors in their teaching and learning. Spearman's correlation analysis showed that there was a significant positive correlation between Moral Education experienced teachers' quality and students' values practices. In addition, the qualitative analysis shows that the characteristics and actions of Moral Education experienced teachers' do influence students' values practices in a particular manner. The discussion of the findings shows that, experienced Moral Education teacher should involve in continuous professionalism development training during their tenure of service to increase their current quality. By doing so, formation of students' values practices can be improved.

## **PENGHARGAAN**

Terima kasih dan syukur kepada Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya telah memberi kekuatan, semangat dan kematangan fikiran kepada saya untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Terlebih dahulu saya ingin ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr.Nur Surayyah Madhubala Abdullah atas bimbingan dan sokongan beliau sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga Dr.Umi Kalthom Abdul Manaf yang sentiasa memberikan semangat dan kata-kata positif kepada saya untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Terima kasih juga kepada para penilai tesis ini, Associate Professor Dr. Md. Nasir Masran, Professor Madya Dr.Asmawati Bt. Shuid dan Dr.Nurzatulshima Bt. Kamarudin yang telah melaksanakan penilaian dan memberikan komen yang membantu dalam meningkatkan mutu penulisan tesis saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Universiti Putra Malaysia yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang saya menyiapkan penulisan ini.

Saya juga turut merakamkan ribuan terima kasih kepada guru berpengalaman Pendidikan Moral yang terlibat, peserta kajian serta pentadbir sekolah yang telah memberikan kerjasama dalam menyempurnakan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada suami saya, Theivendra Palaniyappan yang sentiasa memberikan kata-kata positif sepanjang pengajian ini, anak-anak saya, Liniesh dan Dhanesh yang memahami dengan kesibukan saya dan kepada semua ahli keluarga yang sentiasa memberikan motivasi dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupakan juga rakan seperjuangan yang banyak berkongsi ilmu serta pihak Kementerian Pelajaran Malaysia yang sudi memberi peluang untuk menyambung pengajian ini.

Akhir sekali saya ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Semoga jasa baik anda dibalas oleh Tuhan.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 31 Mac 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Kalaiselvi a/p Ettikan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungan Kualiti Guru Berpengalaman Pendidikan Moral dengan Amalan Nilai Murni Murid” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlumbagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Nurzatulshima binti Kamarudin, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Asmawati binti Suhid, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Md. Nasir Masran, PhD**

Profesor Madya

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Malaysia

(Pemeriksa Luar)



**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 6 Julai 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Umi Kalthom Abdul Manaf**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Professor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah,

Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa :

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Kalaiselvi Ettikan (GS38601)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan :**

Dengan ini , diperakukan bahawa :

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : \_\_\_\_\_

## SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.1.2 Pengajaran dan Pembelajaran	3
Pendidikan Moral yang Berkesan	5
1.1.3 Guru Berpengalaman Pendidikan Moral	5
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Definisi Operasional	11
1.8.1 Kualiti Guru Berpengalaman Pendidikan	11
Moral	11
1.8.2 Kepakaran Guru Pendidikan Moral	12
1.8.3 Karakter Guru	12
1.8.4 Amalan Nilai Murni Murid	13
1.9 Rumusan Perbincangan	13
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Kualiti Guru Berpengalaman	14
2.3 Kepakaran Guru Berpengalaman Pendidikan	
Moral	15
2.4 Konsep Karakter Guru Berpengalaman	
Pendidikan Moral	18
2.5 Konsep Amalan Nilai Murni Murid	21
2.6 Keberkesaan Guru Berpengalaman	23
2.7 Teori-teori dan Model Kajian	25
2.7.1 Teori Pembelajaran Sosial (Bandura,1977)	
2.7.2 Teori Sekolah Dan Perkembangan Moral	25

	(Sugarman, 1973)	26
2.7.3	Teori Pengetahuan Asas Guru (L.Shulman, 1987)	28
2.7.4	Model Pengajaran dan Pembelajaran (Dunkin & Biddle, 1974)	29
2.75	Model Kepakaran Guru (Hattie, 2003)	31
2.8	Hubungan Kualiti Guru Dan Amalan Nilai Murni Murid	32
2.8.1	Kajian-kajian Kuantitatif	32
2.8.2	Kajian-kajian Kualitatif	40
2.8.3	Rumusan Kajian-kajian lepas	44
2.9	Kerangka Teori	45
2.10	Kerangkan Konseptual	47
2.11	Rumusan Perbincangan	48
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	49
3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka bentuk Kajian	49
3.3	Populasi, Saiz Sampel dan Kaedah Persampelan	50
3.4	Instrumen Kajian	51
3.5	Kajian Rintis	53
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	54
3.7	Tatacara Pengumpulan Data	55
3.7.1	Kaedah Pengumpulan Data Secara Pos	56
3.7.2	Kaedah Pengumpulan Data Secara Temu Bual	57
3.8	Isu Etika	58
3.9	Penganalisisan Data	59
3.9.1	Analisis Data Soal Selidik	59
3.9.2	Analisis Data Temu bual	60
3.10	Rumusan Perbincangan	63
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	64
4.1	Pengenalan	64
4.2	Latar Belakang Responden	64
4.3	Tahap Kualiti Guru berpengalaman Pendidikan Moral	65
4.3.1	Tahap Kepakaran Guru	66
4.3.2	Karakter Guru berpengalaman Pendidikan Moral	71
4.3.3	Perbincangan Kualiti Guru Berpengalaman Pendidikan Moral	73
4.4	Tahap Amalan Nilai Murni Murid	76
4.4.1	Aspek Pemikiran Moral	77
4.4.2	Aspek Perasaan Moral	78
4.4.3	Aspek Tingkah Laku Moral	78
4.4.4	Perbincangan Tahap Amalan Nilai Murni Murid	81
4.5	Hubungan Antara Kualiti Guru Berpengalaman Pendidikan Moral dengan Amalan Nilai Murni Murid	83
4.5.1	Hubungan Antara Elemen Kualiti Guru	

	Berpengalaman Pendidikan Moral dengan Aspek Amalan Nilai Murni Murid	83
4.5.2	Perbincangan Hubungan Antara Kualiti Guru Berpengalaman dengan Amalan Nilai Murni Murid	84
4.6	Corak Hubungan Guru Berpengalaman Pendidikan Moral dengan Amalan Nilai Murni Murid	85
4.6.1	Ciri-ciri Guru Berpengalaman Pendidikan Moral	85
4.6.2	Tindakan Guru Berpengalaman Pendidikan Moral	90
4.7	Perbincangan dan Rumusan	93
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPILIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>95</b>
5.1	Ringkasan	95
5.2	Kesimpulan	96
5.3	Implikasi Kajian	97
5.3.1	Implikasi Terhadap Teori dan Asas Kajian	97
5.3.2	Implikasi Terhadap Amalan	99
5.3.2.1	Implikasi Terhadap Guru dan Murid	99
5.3.2.2	Implikasi Terhadap Pihak Pentadbiran Sekolah dan Kementerian	100
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	101
5.5	Penutup	102
<b>RUJUKAN</b>		<b>103</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>115</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>		<b>138</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Huraian Hubungan Korelasi	47
2	Kandungan Soal Selidik Bahagian A	52
3	Taburan Item	52
4	Tafsiran skor min	59
5	Nilai pekali dan kekuatan korelasi	60
6	Ringkasan perkaitan antara persoalan kajian dan analisis data	61
7	Taburan Responden	65
8	Tahap kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral	66
9	Tahap Kepakaran Guru berpengalaman Pendidikan Moral	66
10	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Kepakaran Guru Dalam Menyampaikan Pengajaran Secara Berkesan	67
11	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Kepakaran Guru Dalam Mengurus Bilik Darjah Dengan Berkesan	68
12	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Kepakaran Guru Dalam Memantau Pembelajaran Murid	69
13	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Kepakaran Guru dalam membina Keyakinan Murid	70
14	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Kepakaran Guru dalam Mempengaruhi Amalan nilai murni murid	71
15	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Karakter Guru	72
16	Tahap amalan nilai murni	77
17	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Aspek Pemikiran Moral Murid	78
18	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Aspek Perasaan Moral	78

19	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Bagi Aspek Tingkah Laku Moral	79
20	Hubungan Antara Kualiti Guru Dengan Amalan nilai murni murid	83
21	Hubungan Antara Komponen Kualiti Guru Dengan Komponen Amalan Nilai murni murid	84

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Kerangka Teori Kajian	45
2	Kerangka Konsep	48
3	Pengiraan Sampel	50
4	Proses Kajian	62

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kajian ini memfokuskan kepada keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam membentuk murid-murid mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari. Pelaksanaan kajian ini mengambil kira dasar-dasar pendidikan negara yang menekankan pembentukan modal insan yang holistik iaitu murid yang mempunyai ilmu pengetahuan, berkemahiran serta menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006). Pembentukan murid yang mengamalkan nilai-nilai murni adalah penting untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat kerana mereka adalah tonggak negara pada masa depan. Tambahan pula, pengukuhan mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam seperti yang terkandung dalam anjakan ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2012-2025 dapat dilihat melalui penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Pengukuhan mata pelajaran Pendidikan Moral dari segi kandungan, strategi pengajaran guru dan kaedah penilaian adalah bertujuan untuk menambahbaik pembentukan murid-murid yang berpengetahuan, berkemahiran dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Bagi mencapai hasrat dasar-dasar pendidikan, keberkesanannya Pendidikan Moral dalam menghasilkan murid yang mengamalkan nilai-nilai murni terletak pada penerimaan, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni yang dipelajari di dalam kelas. Dalam pada itu, pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral yang berkesan patut dapat menghasilkan murid yang menerima, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat. Hal ini demikian kerana guru merupakan pendorong utama dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan selain faktor sikap murid (Stronge, 2013). Tambahan pula, guru yang berkualiti merupakan faktor penting kepada pencapaian pembelajaran murid dan keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Oleh hal yang demikian, dalam mencapai hasrat dasar-dasar pendidikan guru berkualiti Pendidikan Moral memainkan peranan yang penting untuk membentuk murid yang mengamalkan nilai-nilai murni.

Namun begitu, sehingga kini keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran guru berkualiti Pendidikan Moral dalam menghasilkan murid yang mengamalkan nilai-nilai murni masih kurang difahami secara jelas. Hal ini disebabkan oleh kewujudan kurang penghayatan nilai dan amalan perpaduan yang mendorong kepada masalah jenayah dan perkauman di kalangan murid dan remaja (Rushi Hafizad Bazin, Abdul Razaq Ahmad, & Mohd Mahzan Awang, 2016) yang turut berlaku dalam kalangan murid yang bukan beragama Islam. Walaupun pelbagai faktor seperti diri sendiri, media massa dan persekitaran dapat dikaitkan, namun masalah ini tidak patut wujud dalam diri seorang murid yang telah mempelajari Pendidikan Moral kerana tujuan Pendidikan Moral adalah

untuk menghasilkan murid yang menerima, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni. Kewujudan masalah-masalah yang dinyatakan menimbulkan keraguan terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Oleh itu, kajian yang berfokuskan kepada keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral perlu dijalankan untuk mendapatkan maklumat mengenai pengajaran dan pembelajaran guru berkualiti Pendidikan Moral dalam pembentukan murid yang mengamalkan nilai-nilai murni.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Moral telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara sejak tahun 1983 lagi. Berdasarkan Sukatan Pelajaran, tujuan Pendidikan Moral diperkenalkan adalah untuk membina satu masyarakat Malaysia yang bermoral (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Masyarakat bermoral dalam konteks Pendidikan Moral ialah masyarakat yang menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan masyarakat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004). Peraturan dan undang-undang masyarakat yang ditetapkan adalah berdasarkan amalan-amalan hidup masyarakat majmuk Malaysia supaya perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk Malaysia dikekalkan. Rasional kepada pengenalan Pendidikan Moral adalah disebabkan kemerosotan nilai moral dalam kalangan remaja di sekolah (Abd.Rahim & Abd.Rashid, 1993; Bambang Sumintono, Lokman Mohd Tahir, & Mohd Anuar Abdul Rahman, 2012). Oleh itu, pengenalan Pendidikan Moral kepada murid-murid bukan beragama Islam sejak di bangku sekolah diharapkan dapat memupuk nilai-nilai murni masyarakat untuk mendidik murid yang bermoral.

Pendidikan Moral yang diperkenalkan mempunyai fungsi tersendiri iaitu merupakan satu bentuk latihan kepada murid dalam membentuk murid yang menerima, menghayati dan mengamalkan nilai berbanding dengan fungsi pendidikan moral. Wujud pelbagai pandangan mengenai pendidikan moral yang sebenar (Abdul Rahman Aroff, 1988; Barrow, 2007; Downey & Kelly, 1978; Sugarmen, 1973). Pendidikan moral lebih menjurus kepada pembentukan murid yang boleh mengawal dan mengembangkan prinsip-prinsip serta tingkah laku yang baik, tidak kira sama ada dianjurkan atau tidak oleh masyarakat (Abdul Rahman Aroff, 1988). Fungsi pendidikan moral adalah membentuk insan bermoral yang mempunyai keupayaan untuk berfikir dan bertindak tanpa membuta tuli (Nucci & Narvaez, 2014) serta bertindak secara bebas dan tanpa paksaan semata-mata untuk diri sendiri (Barrow, 2012) tanpa mengambil kira peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Ini menunjukkan tujuan pendidikan moral adalah untuk membentuk murid yang patut bertindak secara rasional dalam apa-apa situasi sama ada berdasarkan peraturan atau pun tidak.

Manakala, program Pendidikan Moral pula digubal berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara dan Rukun Negara yang merupakan suatu bentuk perintahan untuk mendidik murid mematuhi peraturan, undang-undang serta norma masyarakat yang mengambil kira cara hidup masyarakat majmuk (Bambang Sumintono et al., 2012; Vishalache Balakrishnan, 2010). Mendidik murid bermoral dalam Pendidikan Moral adalah amat penting kepada masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk

mengekalkan ketenteraman dan keharmonian. Berdasarkan Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Negara, prinsip-prinsip yang dijadikan panduan untuk membentuk insan bermoral adalah bertujuan untuk menghasilkan murid-murid yang bertanggungjawab pada diri, keluarga dan orang lain, berpegang teguh pada ajaran agama, prihatin kepada alam sekitar, mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup, bersemangat patriotik, menghormati hak asasi manusia, dan mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004). Prinsip-prinsip ini menunjukkan bahawa murid yang dididik melalui Pendidikan Moral adalah murid yang menzahirkan amalan baik mengikut peraturan masyarakat serta berpegang teguh kepada ajaran agama. Bagi membolehkan murid menunjukkan nilai-nilai baik maka mereka patut dilatih untuk menerima, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat.

### **1.1.2 Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral yang Berkesan**

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah penting bagi mencapai matlamat mata pelajaran yang diajar. Pengajaran yang berkesan dapat membentuk murid yang boleh berfikir secara kritis dan menyumbang kepada kejayaan murid (Golob, 2012; Stronge, 2013). Pelbagai faktor dapat dikaitkan dengan kejayaan murid seperti faktor diri sendiri, ibu bapa, guru, rakan sebaya, serta persekitaran (Hattie, 2003, 2012). Faktor diri sendiri seperti pencapaian awal murid, motivasi, usaha, dan sikap murid merupakan pendorong utama yang mempengaruhi kejayaan murid dalam suatu mata pelajaran. Ini tidak dapat dinafikan kerana tanpa usaha, sikap, dan motivasi diri, sesuatu kejayaan mungkin tidak dapat dicapai. Akan tetapi, dalam melakukan suatu usaha atau mendapatkan motivasi untuk terus melakukan suatu tugas, faktor luaran turut memainkan peranan yang penting (Stronge, 2013). Dalam pada itu, faktor guru merupakan pendorong kedua (Hattie, 2003) kerana keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran guru amat berkait rapat dengan murid (Stronge, 2013).

Pengajaran dan pembelajaran guru dikatakan berkesan kepada murid sekiranya murid dapat mencapai hasil pembelajaran yang dirancang oleh guru (Hattie, 2012). Dalam konteks Pendidikan Moral, pengajaran dan pembelajaran guru adalah berkesan sekiranya murid dapat memahami apa yang disampaikan oleh guru dan boleh mengaplikasikan dalam kehidupan seharian. Sekiranya pengajaran dan pembelajaran sebegini berlaku di sekolah, maka pembentukan murid yang boleh mengamalkan nilai-nilai murni secara konsisten juga berjaya dilaksanakan. Pengamalan nilai-nilai murni secara konsisten menunjukkan murid boleh bertindak dalam semua situasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000) yang dihadapi dalam kehidupan seharian secara rasional terhadap diri sendiri dan orang lain. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merangkumi perancangan sebelum mengajar, strategi perlaksanaan semasa mengajar dan refleksi guru setelah selesai mengajar (Herring et al., 2015). Oleh itu, guru Pendidikan Moral patut sentiasa bersedia untuk berusaha menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam membentuk murid yang berpengetahuan, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni.

Guru yang menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah guru yang berkualiti (Mohd & Nik, 2014). Guru yang berkualiti mempunyai ciri-ciri asas tertentu seperti memiliki pengetahuan kandungan, pedagogi serta pengetahuan tentang muridnya (Shulman, 1987) dan memiliki sifat-sifat peribadi seperti adil, penyayang, sabar, bersikap terbuka serta peka terhadap muridnya (Garcia, Kupczynski & Holland, 2011). Pengetahuan kandungan dan pedagogi dalam bidang Pendidikan Moral membantu guru merancang, melaksanakan dan mendapatkan refleksi dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Pembentukan murid yang mengamalkan nilai-nilai murni memerlukan guru Pendidikan Moral menunjukkan contoh pengamalan sifat yang baik serta nilai-nilai murni masyarakat. Hal ini demikian kerana murid mudah mempelajari melalui tingkah laku guru selain apa yang diajar oleh guru Pendidikan Moral (Klaaseen, 2012). Maka dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan guru Pendidikan Moral yang berkualiti memainkan peranan penting kerana dapat mencapai matlamat Pendidikan Moral.

Pengajaran dan pembelajaran guru berkualiti menentukan pencapaian murid dalam suatu mata pelajaran (Seebrock, 2015). Menurut Guskey (2013), pencapaian murid dalam pendidikan merangkumi domain-domain kognitif (pengetahuan), afektif (sikap, minat dan perasaan) dan psikomotor (kemajuan dalam suatu kemahiran atau tingkah laku) yang perlu dicapai melalui suatu pembelajaran yang spesifik. Pencapaian juga merujuk kepada hasil yang dikecapi setelah menjalankan suatu program berdasarkan objektif dan matlamat program tersebut (Lott & Kenny, 2013; Wallace, 2009). Walaupun pelbagai idea wujud mengenai pencapaian, dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah pencapaian bagi suatu mata pelajaran merujuk kepada hasil yang ditunjukkan oleh murid sama ada melalui penilaian secara bertulis(murid dapat menjawab soalan ujian), penilaian secara lisan(murid dapat menjawab soalan lisan guru) atau perubahan tingkah laku(murid menunjukkan perubahan dari segi kelakuan) setelah selesainya sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dalam konteks Pendidikan Moral, guru yang berkualiti patut dapat membentuk pembangunan karakter murid (D. Lapsley, Holter, & Narvaez, 2016). Berdasarkan daripada pemahaman ini, pencapaian murid dalam Pendidikan Moral adalah merujuk kepada murid yang patut boleh berfikir untuk menyelesaikan suatu masalah, mempunyai perasaan terhadap suatu isu dan boleh bertindak berdasarkan masalah.

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral patut menekankan ketiga-tiga dimensi moral iaitu pemikiran moral, perasaan moral, dan tingkah laku moral (Lickona, 1996). Walaupun saranan Lickona (1996) merujuk kepada soal Pendidikan Karakter, namun saranan ini juga dimanfaatkan dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral. Hal ini terjadi kerana tujuan Pendidikan Karakter hampir menyamai tujuan Pendidikan Moral iaitu menghasilkan murid yang berwatak baik, berperibadi mulia, dan bermoral (Abd.Shatar Che Abd.Rahman, 2007). Dalam dimensi pemikiran moral, murid-murid seharusnya mengetahui nilai, memahami dan menerima nilai-nilai murni yang diajar. Manakala dimensi perasaan moral pula adalah berkaitan dengan kelahiran perasaan dalam kalangan murid apabila bertindak dalam sesuatu situasi dan dimensi tingkah laku moral murid boleh mengamalkan nilai yang dipelajari (Abdul Rahman Aroff, 1999). Dalam konteks Pendidikan Moral, murid-murid yang dapat mengamalkan nilai-nilai murni secara

konsisten berlaku apabila murid dapat menunjukkan pengamalan nilai-nilai murni dalam setiap situasi yang dihadapi dalam kehidupan sehariannya. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral yang berkesan oleh guru yang berkualiti patut dapat membentuk murid yang menerima, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni secara konsisten dalam kehidupan sehariannya.

Namun begitu, berdasarkan pemantauan yang telah dibuat wujud pelbagai masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008). Proses pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral kurang menumpukan kepada domain perasaan dan tingkah laku moral murid. Guru lebih cenderung menggunakan kaedah berpusatkan guru dengan hanya berpandukan buku teks. Hal ini demikian kerana majoriti guru yang mengajar Pendidikan Moral tidak mempunyai pengkhususan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008) kerana pada awal perlaksanaan Pendidikan Moral, latihan perguruan dalam bidang Pendidikan Moral tidak ditawarkan dalam mana-mana institusi (Abd.Shatar Che Abd.Rahman, 2007). Walaupun pada tahun 2005 terdapat Institut Pengajian Tinggi Awam yang menawarkan program Pendidikan Moral, namun bilangan guru yang terlatih masih tidak mencukupi untuk mengajar mata pelajaran ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008). Pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru membantutkan perkembangan moral murid kerana murid kurang diberi peluang dalam membincangkan sesuatu situasi moral (Meigala Munusamy, 2016). Keadaan ini menyebabkan murid tidak dapat memahami kandungan dan kurang mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui tingkah laku murid di sekolah yang masih tidak dapat mematuhi peraturan sekolah yang telah ditetapkan dengan sepenuhnya. Kesannya, matlamat Pendidikan Moral untuk menghasilkan murid yang mengamalkan nilai-nilai murni oleh murid secara konsisten tidak tercapai.

Dalam menangani masalah ini, salah satu langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dengan menambah baik kualiti guru Pendidikan Moral. Antara usaha yang dijalankan ialah dengan memberi latihan kepada guru bukan pengkhususan, menambah bilangan calon bagi latihan perguruan dalam bidang Pendidikan Moral, serta mewujudkan laluan guru cemerlang kepada guru yang berpengalaman dan pakar dalam bidang ini. Usaha-usaha ini adalah bertujuan untuk menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran serta mencapai matlamat Pendidikan Moral. Namun begitu, sehingga kini masih belum diketahui dengan jelas sejauh mana usaha ini mempengaruhi pembentukan murid yang mengamalkan nilai-nilai murni. Ini kerana kajian-kajian lepas dalam bidang Pendidikan Moral di negara ini adalah terlalu sedikit. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini dapat memberikan gambaran yang jelas berkaitan pengajaran dan pembelajaran guru dan pengamalan nilai murni murid.

### **1.1.3 Guru Berpengalaman Pendidikan Moral**

Seorang guru dikatakan guru berpengalaman apabila memiliki pengetahuan, mempunyai pengalaman dalam bidangnya, menerima latihan dalam bidangnya, memiliki ciri-ciri personaliti (Darling-Hammond, 2000; Ingersoll, 1999; L. S. Shulman & Shulman, 2004;

Tsui, 2009) untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Guru berpengalaman juga mempunyai pengalaman mengajar melebihi lima tahun (Berliner, 2004), mengajar mata pelajaran dalam bidang pengkhususannya untuk tempoh yang lama (Farrell, 2013) serta memperoleh pengetahuan dan kemahiran melalui latihan dan pengalaman dalam suatu bidang atau mata pelajaran tertentu, sehingga idea atau pendapatnya berkemungkinan membantu dalam memahami atau menyelesaikan sesuatu masalah (Glaser, T.H.Chi, & J.Farr, 1988). Pengetahuan dan kemahiran merupakan kualiti utama (Darling-Hammond, 2000) yang perlu dimiliki oleh guru berpengalaman supaya berlakunya pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta membantu guru menyelesaikan masalah yang dihadapi sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Maka dalam konteks ini, guru berpengalaman Pendidikan Moral merupakan guru yang mempunyai pengalaman mengajar Pendidikan Moral melebihi lima tahun, pakar dalam pengajaran dan pembelajaran serta mampu mencapai matlamat Pendidikan Moral. Pengajaran dan pembelajaran guru berpengalaman dalam Pendidikan Moral patut dapat membentuk murid yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Tambahan pula, guru Pendidikan Moral patut mempunyai pengetahuan dalam bidang Pendidikan Moral seperti pendedahan dalam aspek falsafah yang menyentuh tentang konsep kemoralan, psikologi, dan sosiologi yang berkisar tentang perkembangan moral dan persekitaran moral (Abdul Rahman Aroff & L.H.Chang, 1994; Mukherjee, 1980). Pemahaman guru yang jelas berkaitan konsep-konsep moral akan membantu guru untuk memperdalamkan pemahaman murid terhadap konsep dan masalah moral yang diaplikasikan sewaktu perbincangan situasi atau isu moral. Perbincangan isu-isu atau situasi moral dapat membantu murid bertindak secara rasional dalam apa jua konflik atau masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian (Abdul Rahman Aroff & L.H.Chang, 1994). Oleh hal yang demikian, guru berpengalaman Pendidikan Moral patut mempunyai pengetahuan yang mendalam dan meluas dalam bidang Pendidikan Moral seperti konsep kemoralan, perkembangan moral murid dan persekitaran moral untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada murid.

Shulman (1987) dan Berliner (2001) turut menyatakan bahawa penguasaan pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi guru merupakan intipati utama dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan terhasil apabila guru berpengalaman menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk menghasilkan pembelajaran murid yang maksimum (Hattie, 2012). Ini menunjukkan bahawa guru berpengalaman Pendidikan Moral patut mempunyai kepakaran untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kepakaran guru berpengalaman yang dimaksudkan merujuk kepada keupayaan guru berpengalaman mengenal pasti cara yang sesuai dalam menyampaikan isi kandungan, mereka iklim pembelajaran yang optimum dalam bilik darjah, memantau pembelajaran murid dan sentiasa mendapatkan maklum balas daripada murid mengenai pengajarannya, mempunyai kepercayaan bahawa semua murid boleh dididik, serta mampu mempengaruhi amalan nilai murni murid (Halstead & Pike, 2006; Hattie, 2003, 2012; Noddings, 2002; Nucci & Powers, 2014). Kepakaran sebeginilah yang sepatutnya menjadi kualiti bagi seseorang guru berpengalaman Pendidikan Moral (Hattie, 2003, 2012).

Namun begitu, dalam proses pengajaran Pendidikan Moral, guru juga perlu menjadi “*a certain kind of person*”, yakni guru yang mempunyai karakter-karakter yang mudah didampingi oleh murid, seterusnya memberi kesan kepada perkembangan moral murid (Thompson, 2014). Sebagai contoh, karakter seperti guru yang bijak menangani sesuatu masalah kompleks dalam bilik darjah tanpa mengabaikan kepentingan murid lain, guru yang mempunyai sifat keperibadian mulia, guru yang bersifat terbuka dalam menerima pandangan murid, guru yang sentiasa tabah dengan kerentahan murid, guru yang mempunyai hubungan yang baik antara murid, serta guru yang sentiasa prihatin kepada keperluan murid memainkan peranan kepada perkembangan moral murid (Lickona, 1992; Nucci & Powers, 2014; Sugarman, 1973). Hal ini dilihat penting kerana murid mudah meniru suatu perbuatan atau tindakan yang dilihat daripada guru (Bandura, 1986; Halstead & Pike, 2006). Sehubungan itu, karakter yang dimiliki oleh guru berpengalaman Pendidikan Moral juga turut mempengaruhi pembentukan murid yang mengamalkan nilai murni.

Justeru, kepakaran dan karakter merupakan dua kualiti utama yang sangat diperlukan oleh guru berpengalaman Pendidikan Moral dalam membentuk murid yang mengamalkan nilai-nilai murni. Akan tetapi, timbul persoalan apabila terdapat guru berpengalaman Pendidikan Moral yang tidak mempunyai pengkhususan dalam bidang Pendidikan Moral. Tambahan pula terdapat isu yang timbul daripada hasil pemantauan oleh Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Kota Tinggi, yang menyatakan terdapat segelintir guru berpengalaman di sekolah kurang menyerlah dari segi peranannya, tiada perbezaan dengan guru biasa, tidak membuat persediaan yang lengkap dari segi bahan pengajaran sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran, serta menunjukkan prestasi yang lebih rendah daripada guru biasa. Masalah seperti ini seharusnya tidak patut wujud kerana guru berpengalaman Pendidikan Moral seharusnya menjadi contoh kepada guru-guru lain dan murid. Sekiranya keadaan ini berlaku dalam kalangan guru berpengalaman Pendidikan Moral, maka tidak hairanlah akan wujud suatu keadaan negatif yang sering diumpamakan seperti ‘ketam mengajar anaknya berjalan lurus’.

Kesemua masalah di atas membangkitkan persoalan tentang sejauh manakah guru berpengalaman Pendidikan Moral ini memainkan peranan dalam menghasilkan amalan nilai murni murid dalam Pendidikan Moral. Permasalahan ini penting untuk difahami kerana dalam Pendidikan Moral peranan guru berpengalaman Pendidikan Moral bukan hanya menyampaikan ilmu, tetapi seharusnya menitikberatkan soal membentuk murid yang dapat mengamalkan nilai-nilai murni. Sehubungan itu, satu kajian perlu dijalankan untuk melihat sejauh mana keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran guru berpengalaman Pendidikan Moral dalam mencapai matlamat Pendidikan Moral.

### 1.3 Penyataan Masalah

Perlaksanaan mata pelajaran Pendidikan Moral adalah untuk membentuk murid yang dapat mengamalkan nilai-nilai murni (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004). Persoalannya adakah pengajaran dan pembelajaran guru berpengalaman Pendidikan

Moral mempunyai hubungan terhadap pengamalan nilai-nilai murni murid? Hal ini kerana, murid-murid yang mempelajari mata pelajaran Pendidikan Moral kurang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni (Baharom Mohamad, Ali Suradin, & Za'aBa Helmi Khamisan, 2008). Murid-murid ini tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan, menyakiti murid lain, menyakiti guru, menggunakan perkataan kesat, serta tidak mengambil berat terhadap kebajikan diri sendiri dan orang lain melalui tindakannya seperti membuli, kurang sopan dan merosakkan harta benda walaupun diajar oleh guru berpengalaman. Senario ini menunjukkan peranan guru berpengalaman Pendidikan Moral dalam mempengaruhi amalan nilai murni murid masih kurang jelas.

Sorotan model kepakaran guru (Hattie, 2003, 2012), model pengajaran dan pembelajaran (Dunkin & Biddle, 1974), teori pembelajaran sosial (Bandura, 1977), teori pengetahuan asas guru (L. Shulman, 1987) dan teori perkembangan moral dan sekolah (Sugarman, 1973) menunjukkan aspek-aspek seperti kelakuan guru, pengetahuan dan kemahiran guru membantu pembelajaran murid seterusnya mempengaruhi pembelajaran murid. Sorotan teori-teori dan model-model ini menunjukkan adanya hubungan antara guru dan murid. Namun sorotan teori-teori dan model-model ini kurang menjelaskan kualiti yang patut dimiliki oleh guru berpengalaman Pendidikan Moral dalam membentuk murid yang dapat mengamalkan nilai-nilai murni.

Sorotan kajian kuantitatif mengenai hubungan kualiti guru berpengalaman seperti sifat keperibadian guru, personaliti guru dan penguasaan isi kandungan dan kemahiran penyampaian guru mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pembelajaran murid dan pengamalan nilai murni (Arthur, 2011; Kamarul Azmi Jasmi, Ab Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2012; Lovat & Clement, 2008; Pantic & Wubbels, 2012; Rohani Arbaa, Hazri Jamil, & Nordin Abd Razak, 2010; Ulug, Ozden, & Eryilmaz, 2011). Manakala kajian-kajian lepas juga menunjukkan kualiti guru tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan nilai murni murid dari aspek kaedah mengajar, pengetahuan dalam subjek yang diajar, bimbingan yang diberikan oleh guru serta sifat keterbukaan guru (Fauziah Othman, 2009; Norazman Arbin, Nor'ain Mohd. Tajudin, & Nur Fazliana Rahim, 2012). Hubungan guru dengan murid yang tidak konsisten ini menunjukkan adanya jurang pengetahuan dalam bidang Pendidikan Moral dari segi kesignifikanan hubungan guru berpengalaman dengan amalan nilai murni murid serta pembolehubah kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral yang menyumbang kepada amalan nilai murni murid.

Tambahan pula, sorotan kajian kualitatif yang lepas juga menunjukkan personaliti, pengetahuan dan kemahiran guru berpengalaman memberi kesan kepada pembelajaran murid (Berliner, 2004; Bromme, 2001; Chantaramima & Yuenyong, 2014; Farrell, 2013; Noraini Ibrahim, Azliza Haniem Abdul Aziz, & Radha M.K.Nambiar, 2013). Namun begitu, kajian-kajian kualitatif yang dijalankan ini dalam bidang Sains, Fizik dan Bahasa Inggeris untuk melihat peranan guru dan murid kurang menyentuh tentang pembentukan murid yang mengamalkan nilai murni oleh guru berpengalaman. Melalui sorotan teori-teori, model-model dan kajian-kajian lepas di atas, satu kajian deskriptif korelasi perlu

dijalankan untuk mengkaji hubungan kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral dan amalan nilai murni murid.

Dapatan kajian ini membantu menjawab persoalan kajian yang diutarakan serta memberikan idea tentang keberkesanan guru berpengalaman Pendidikan Moral. Hasil dapatan kajian mengenai kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral dan hubungan dengan amalan nilai murni murid dapat digunakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memperbaiki kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Penambahbaikan ini sekaligus dapat menghasilkan murid yang bermoral melalui pengamalan nilai murni dan dapat mengurangkan masalah salah laku di dalam sekolah.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara khususnya, terdapat empat objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu :

- i. Mengenal pasti kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral.
- ii. Mengenal pasti amalan nilai murni murid yang mempelajari Pendidikan Moral.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral dengan amalan nilai murni murid.
- iv. Mengenal pasti corak hubungan kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral dengan amalan nilai murni murid?

#### **1.5 Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral?
2. Apakah tahap amalan nilai murni murid Tingkatan Empat yang mempelajari Pendidikan Moral?
3. Adakah terdapat hubungan antara kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral dengan amalan nilai murni murid?
4. Apakah corak hubungan kualiti guru berpengalaman Pendidikan Moral dengan amalan nilai murni murid?

